

Gantung ahli: TPM minta MCA beri penjelasan

UM 17 DEC 2002

Oleh MOHD. RADHUAN HUSSAIN

KUCHING 16 Dis. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta MCA memberikan penjelasan mengenai keputusan menggantung keahlian tanpa menetapkan sebarang tempoh terhadap dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang dari parti itu.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) mendakwa, beliau masih kabur dengan maksud sebenar tempoh hukuman itu dan mahu

penjelasan lebih terperinci mengenainya.

Katanya, tindakan itu hanya boleh dianggap tegas apabila 'tempoh' yang dikenakan itu memberi makna penggantungan kedua-dua ADUN itu berkuat kuasa sehingga habis penggal mereka sebagai wakil rakyat.

Penggal

"Saya ingin tahu apa maknanya *indefinitely* (tidak ditentukan), kalau dalam masa singkat ia tak ada makna tapi kalau sampai habis penggal mereka berkhidmat sebagai wakil rakyat

BN maka ia dianggap satu keputusan tegas dan keras," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Siratulrahim Aidilfitri di sini malam ini.

Abdullah diminta mengulas keputusan Majlis Presiden MCA hari ini menggantung keahlian **Tan Cheng Liang (Jawi)** dan **Lim Boo Chang (Datuk Keramat)** kerana mengambil sikap berkecuali daripada mengundi usul DAP pada sidang Dewan Undangan Negeri itu, 21 November lalu.

Usul itu berkaitan menang-

guhkan projek Jalan Lingkar Luar Pulau Pinang (PORR) yang bernilai RM1.02 bilion sehingga siapnya projek Ekspresway Jelutong yang berharga RM400 juta.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, penggantungan itu berkuat kuasa serta-merta untuk tempoh masa yang tidak ditetapkan.

Menurut Abdullah, Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga pastinya ingin tahu maksud sebenar tempoh penggantungan itu bagi mengelak timbulnya sebarang spekulasi mengenainya.